



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS
Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA
MALAYSIA



1MOCC: +603-8000 8000
Faks (Fax): +603-8888 8729
Laman Web (Web): www.kbs.gov.my

Ruj. Kami : KBS.300-6/1/1 JLD 15 (3)

Tarikh : 28 November 2025

KELAB OLAHRAHA ALAM SINERGI
LOT PT36982 HS(M) 25510 WAKAF BHARU
MUKIM KUALA NERUS
21300 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU

Tuan/Puan,

SOKONGAN DAN KELULUSAN PENGGUNAAN LOGO KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN BAGI PROGRAM TERENGGANU MARATHON 2026

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) **tiada halangan untuk pihak tuan/puan menganjurkan program Terengganu Marathon 2026 pada 1 hingga 2 Mei 2026 dan bersetuju memberi kebenaran kepada Kelab Olahraga Alam Sinergi untuk menggunakan logo KBS sebagai tanda sokongan kepada penganjuran program ini.**

3. Untuk makluman tuan/puan, kebenaran tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti ketetapan berikut:

- Logo KBS hanya boleh digunakan untuk program **Terengganu Marathon 2026** sahaja. Pihak **Kelab Olahraga Alam Sinergi DILARANG** menyalahgunakan kelulusan ini untuk lain-lain penganjuran seminar/penerbitan/jual beli/atau lain-lain tujuan;
- Tidak mengandungi bentuk promosi yang bersifat prejudis berunsur hasutan (politik, perkauman, ekonomi) yang bertentangan dengan dasar Negara, menggugat keselamatan Negara dan ketenteraman awam. Hanya fakta yang sahih sahaja boleh digunakan;
- Program tidak ditaja atau disokong oleh syarikat-syarikat pengeluar atau pengedar rokok, rokok elektronik dan minuman keras atau syarikat perjudian;

- Kelulusan penggunaan logo KBS adalah berkuatkuasa bermula dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan sahaja;
- Penggunaan Bahasa yang tidak sopan dan 'lucah' adalah dilarang sama sekali;
- KBS tidak disabitkan dengan sebarang perkara, sekiranya pihak **Kelab Olahraga Alam Sinergi** menghadapi sebarang masalah penganjuran program atau didakwa oleh pihak tertentu; dan
- Pihak **Kelab Olahraga Alam Sinergi** hendaklah **menepati janji yang telah dinyatakan pada surat/emel permohonan penggunaan logo KBS.**

4. Sekiranya pihak **Kelab Olahraga Alam Sinergi** didapati melanggar syarat-syarat tersebut, pihak Kementerian berhak menarik balik kebenaran ini dan tindakan perundangan boleh diambil terhadap pihak tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(JUNAINAH MOHD ZAID)
Ketua Komunikasi Korporat
Kementerian Belia dan Sukan